

**Kabinet akan bincang masa siaran parti politik
Utusan Online
23 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 22 Mei - Kerajaan akan meneliti saranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) agar parti-parti politik di negara ini termasuk pembangkang diberikan akses siaran televisyen secara bebas dan adil.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, ia bagi membolehkan parti-parti berkenaan menyampaikan manifesto mereka kepada rakyat.

"Kerajaan telah menerima permohonan SPR supaya memperuntukkan masa kepada parti-parti politik berkempen di televisyen. Sebenarnya kita telah menyediakan satu kertas cadangan yang akan dibentangkan ke Kabinet tidak lama lagi.

"Ini bagi mempertimbangkan sama ada saranan itu diluluskan atau dengan pindaan. Ia selaras dengan amalan terdahulu tetapi kita pertingkatkan sedikit supaya setiap parti mempunyai kebebasan untuk menyatakan 'suara' mereka kepada negara dan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memberikan ucap tama dan merasmikan Seminar Pemikiran Perdana Menteri: Ke Arah Pemupukan Kesepaduan Dalam Kepelbagaian Masyarakat - 1Malaysia di Universiti Malaya (UM) di sini hari ini.

Akses kepada media bebas dan adil merupakan antara syor yang dikemukakan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

Baru-baru ini, SPR memohon kerajaan memberikan masa siaran televisyen kepada semua parti politik ketika kempen pilihan raya umum.

Rais berkata, memberikan akses kepada mana-mana parti politik menyampaikan manifesto di televisyen adalah demi demokrasi dan amalan kesaksamaan di sisi undang-undang.

Tetapi jelas beliau, ia perlu kepada satu perundangan dengan manifesto yang hendak disampaikan mematuhi peraturan asas kementerianannya.

Terdahulu ketika memberikan ucap tama di seminar itu, beliau berkata, kesemua bekas Perdana Menteri bermula dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi serta Perdana Menteri kini, Datuk Seri Najib Tun Razak membawa pemikiran sama iaitu perpaduan antara kaum.

"Saya pernah bertugas dengan lima orang Perdana Menteri dan kini di bawah Perdana Menteri keenam pula. Selain memiliki agenda pembangunan sendiri, keenam-enam mereka sering menjadikan isu perpaduan sebagai keutamaan.

"Ya sudah tentu akan ada orang yang cuba memecah-belah kita. Oleh itu, perpaduan tersebut harus diterjemahkan di sekolah lagi. Pelajar juga perlu diterapkan semangat cinta kepada negara," katanya.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0523&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_09.htm